



## **BULAN BAHASA 2015: HELAIAN FAKTA**

### **1. Tentang Bulan Bahasa**

Sejak 1988, Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menganjurkan Bulan Bahasa untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2012, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk menggalakkan dan memberikan keyakinan dalam penguasaan bahasa Melayu.

### **2. Tema Bulan Bahasa 2015**

Bulan Bahasa 2015 mengajak kita menggunakan bahasa Melayu untuk tujuan meraih dan menyampaikan ilmu, memasyarakakan kemurnian adab dan budaya serta mengukuhkan jalinan kemesraan sesama kita.

Bahasa Melayu sebagai “Ilmu, Budaya, Mesra” mencerminkan kepentingannya bagi semua lapisan masyarakat. Oleh itu, gunakanlah bahasa Melayu agar ilmu dan budaya kita tetap terpelihara dan kemesraan terjalin ketara. Terlestarinya bahasa dapatlah kita mewariskannya kepada generasi sesudah kita.

### **3. Di mana dan bilakah pelancaran Bulan Bahasa 2015 diadakan? Apakah program-program yang menarik?**

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2015 akan diadakan pada hari Sabtu, 5 September, di Gardens by the Bay dengan tetamu terhormat, Perdana Menteri Encik Lee Hsien Loong.

Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa akan memaparkan banyak program dan persembahan oleh rakan kerjasama di dalam Flower Dome, cerita-cerita Singapura oleh Rakan Bahasa, aktiviti-aktiviti oleh sekolah, serta demonstrasi silat dan sepak takraw sepanjang hari. Di sebelah petang, di bawah Supertrees, konsert “Singa Maksima Live Edisi Nusantara” akan memaparkan deklamasi puisi dan kugiran-kugiran terkenal dari Singapura dan rantau ini, dan “Papa Rok”, Datuk Ramli Sarip.

Bulan Bahasa 2015 turut akan melancarkan siri buku nota yang baharu. Buku-buku nota ini mengandungi tip bahasa dan pantun yang boleh didapati di acara-acara Bulan Bahasa yang terpilih sepanjang bulan ini.

Acara-acara semarak Bulan Bahasa 2015 akan berakhir pada 17 Oktober 2015.

### **4. Apakah inisiatif SG50 yang diadakan untuk Bulan Bahasa 2015?**

Sempena SG50, GRC Tampines, Nee Soon, Jurong dan Choa Chu Kang akan mengadakan acara-acara unggul supaya lebih ramai penduduk Singapura akan dapat meraikan bahasa, budaya dan warisan pada tahun ini.



*Yang Terukir: Bahasa dan Persuratan Melayu Sempena 50 Tahun Kemerdekaan Singapura* adalah buku kenangan yang dihasilkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura untuk meraikan ulang tahun Singapura yang ke-50. Buku kenangan ini merakamkan sejarah perkembangan bahasa Melayu di Singapura dalam pelbagai bidang sejak awal sehingga tahun 2015. Buku ini akan dilancarkan pada 5 September.

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) juga diberikan sebuah pameran bergerak yang memaparkan sejarah dan evolusi bahasa Melayu. Pameran ini akan membuat tayangan perdannya semasa Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa, lalu akan dipamerkan semasa Acara Unggul Bulan Bahasa di GRC tertentu, acara-acara semarak seperti ceramah sastera dan perpustakaan-perpustakaan terpilih di serata Singapura.

##### **5. Bagaimakah orang ramai boleh menyertai Bulan Bahasa 2015?**

Orang ramai dijemput menyertai Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa 2015 di Gardens by the Bay pada 5 & 6 September 2015. Pelbagai permainan, persembahan dan aktiviti mengenai bahasa dan budaya Melayu akan diadakan.

Bulan Bahasa akan memaparkan pelbagai program untuk semua, tidak kira usia, yang telah dianjurkan oleh rakan-rakan kerjasama. Tentunya, terdapat program untuk menepati minat semua. Program-program ini termasuklah Malam Sastera Berita Harian, sesi bercerita oleh Lembaga Perpustakaan Negara, bengkel penulisan lirik oleh Taman Warisan Melayu, serta pertandingan-pertandingan dan pameran-pameran oleh beberapa Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di serata Singapura.